

Peraturan tak sekat kebebasan bersuara

Malaysia masih lemah dalam tindakan bendung buli, penipuan di laman sosial

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tindakan kerajaan memperkenalkan peraturan baharu dan undang-undang keselamatan siber bukan bertujuan mengekang kebebasan bersuara, sebaliknya mahu mengawal perilaku negatif seperti buli siber serta jenayah penipuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia masih lemah dan ketinggalan berbanding negara lain dalam tindakan membendung jenayah siber serta mengukuhkan keselamatan siber.

“Ada bezanya (antara kebebasan bersuara dan keselamatan siber), digital, siber dan media sosial. Umpamanya untuk mendera sehingga ada yang membunuh diri. Ada yang menyebabkan salah guna dari segi memeralatkan anak kecil untuk urusan dagang seks.

“Apakah ini diwajibkan? Ada juga scam yang mencecah (keuntungan) lebih RM2.5 bilion. Banyak orang ditipu, menggunakan kemudahan media sosial dan bila kita kata harus sekat, mereka kata jangan sekat kebebasan.

“Apakah kebebasan untuk menipu, mencuri, mendera orang sehingga ada orang membunuh diri harus dibiarkan? Ini hal yang harus diambil kira oleh rakyat. Sebab soal keselamatan diri mereka mesti diberikan keutamaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Bulan Keselamatan Negara di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Raja Datuk Nurshirwan Zainal Abidin.

Ulasan Perdana Menteri dipercayai ada kaitan dengan pelbagai kritikan yang dilemparkan terhadap langkah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengesyaratkan semua perkhidmatan media sosial dan pesanan internet memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Melalui langkah itu, bermula



Anwar beramah mesra dengan peserta Pertandingan Keselamatan Siber My Cyber Hero pada Bulan Keselamatan Negara 2024 di Putrajaya, semalam.
(Foto Aizuddin Saad/BH)

esok semua platform media sosial dan pesanan internet yang ada lapan juta pengguna berdaftar perlu memohon lesen untuk beroperasi di negara ini.

Sehubungan itu, mulai 1 Januari 2025 hanya platform media sosial yang mempunyai lesen mengikut Akta 588 boleh menawarkan perkhidmatan di negara ini.

Antara yang keras membantahnya adalah bekas Pengerusi BERSIH, Ambiga Sreenevasan.

Mengulas di X, Ambiga berkata dia tidak pernah membayangkan kerajaan PH yang pernah berjanji melakukan pembaharuan undang-undang, termasuk memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPPA) 1984, kini mengenakan undang-undang penyelesaian baru.

“Kerajaan Perpaduan kini boleh dinobatkan sebagai kerajaan paling diktator yang pernah kita ada. Syabas!” kata Ambiga.

Mengulas lanjut, Anwar menegaskan Malaysia adalah negara demokratik, kebebasan mesti diberikan untuk orang ramai menyuarakan pandangan mereka untuk bersetuju, menegur atau menentang.

Dalam pada itu, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia harus lebih canggih dalam pendekatan serta penguatkuasaan dalam menjamin keselamatan siber.

“Ada jenayah berlaku dalam keadaan biasa. Ada yang berlaku melibatkan rangkaian jenayah antarabangsa. Ada jenayah berlaku di satu tempat tapi ada yang melibatkan rangkaian antarabangsa. Jadi, kita harus lebih canggih da-

lam pendekatan kita,” katanya.

Nafi kerajaan diktator

Sementara itu, Ahli Parlimen Pasisir Gudang, Hassan Abdul Karim menyangkal kenyataan Ambiga yang mendakwa Kerajaan Perpaduan sebagai kerajaan paling diktator.

Beliau sebaliknya berkata, tuduhan yang dilemparkan bekas presiden Majlis Peguam itu adalah terlalu berlebihan.

“Cadangan kerajaan untuk mengenakan syarat bahawa syarikat platform media sosial dari luar negara perlu ambil lesen boleh dibantah, dipertikai dan disanggah.

“tetapi menuduh Kerajaan Persekutuan diktator kerana cadangan itu adalah berlebihan dan tidak adil,” katanya dalam catatan di Facebook.

Hassan berkata meskipun beliau sedar kerajaan ini ada kelemahan, namun beliau yakin kerajaan pimpinan Anwar bukanlah kerajaan diktator.

“Bagaimana kerajaan ini diktator sedangkan kerajaan ini tidak pernah menggantung Parlimen dengan mengisytiharkan darurat seperti kerajaan Perikatan Nasional sebelumnya?”

“Bagaimana kerajaan pimpinan Anwar ini diktator sedangkan Laporan Suhakam dibahaskan di Parlimen? Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dibahaskan secara terbuka di Parlimen?” katanya.

Beliau menasihatkan Ambiga supaya berpada-pada dalam menuduh kerajaan.